

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 October 2015

Tentera tradisional tidak cukup

Najib berucap di PBB cadangkan pendekatan baharu hadapi ancaman cabar kedaulatan negara dunia

BAHAROM MAHUSIN MELAPORKAN DARI NEW YORK | 03 Oktober 2015 2:03 AM



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan ucapan pada perbahasan sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York, Amerika Syarikat, semalam. - BERNAMA

NEW YORK 2 Okt. - Usaha masyarakat antarabangsa untuk menjamin kedaulatan negara-negara dunia dan keselamatan rakyat masing-masing kini memerlukan pendekatan baharu kerana cara lama seperti kaedah tentera tradisional semata-mata tidak berupaya menewaskan ancaman tersebut, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Berucap pada Perbahasan Sesi Ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini semalam, Perdana Menteri menegaskan, kedaulatan negara-negara dunia mendapat ancaman baharu dalam bentuk kehadiran kumpulan militan tanpa negara seperti pengganas Islamic State yang bergerak di Syria dan Iraq dan kini cuba menyebarkan tahaman jahatnya ke serata dunia.

Beliau menyeru supaya disebarakan mesej jelas kepada umat Islam dan bukan Islam tentang bahaya ancaman tersebut yang perlu disekat.

"Saya memohon kepada seluruh umat Islam untuk bangkit bersama satu suara dan biarkan dunia bergema apabila kita katakan kepada Islamic State: Anda tidak mawakili kami," katanya yang disambut tepukan bergemuruh di dewan Perhimpunan Agung PBB dalam sesi yang dipengerusikan oleh Mogens Lyketteoft dari Denmark.

Najib menyertai seramai 150 orang ketua negara dan kerajaan dunia berkumpul di ibu pejabat PBB di sini untuk perhimpunan tahunan yang kali ini bertemakan PBB Pada Usia 70: Haluan Masa Depan Keamanan, Keselamatan dan Hak Asasi Manusia.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri melahirkan kebimbangannya bahawa masyarakat dunia ketinggalan dalam perang propaganda menentang organisasi tanpa negara yang disebut sebagai Islamic State.

"Penjelasan menyimpang mereka tidak ditangkis dengan berkesan bagi mengelak orang ramai menyertai atau menyokong dari jauh," kata Najib yang menjelaskan kepada para pemimpin dunia bahawa golongan yang memperjuangkan ekstremisme sebenarnya adalah dalang dalam pergolakan, krisis keselamatan dan isu pelarian di Timur Tengah.

"Kita adalah sebuah dunia yang terdiri daripada negara-negara. Tetapi, konflik dan ancaman baharu yang membahayakan keamanan dan keselamatan kita kini sudah tidak lagi mengenal batas sempadan.

"Pelaku bukan negara, misalnya Islamic State, mengancam untuk memusnahkan negara-negara berdaulat," katanya.

Beliau menghuraikan bagaimana fahaman ekstrem itu telah menjadi isu rentas sempadan dengan di Malaysia sahaja terdapat 39 orang rakyat Malaysia dikesan telah terjerumus dalam aktiviti militan Islamic State di Syria manakala lebih 100 orang berjaya disekat daripada meninggalkan Malaysia untuk berkomplot melakukan keganasan di Timur Tengah.

Najib menyeru perkongsian perisikan dipertingkatkan kerana kumpidan penganasan itu tidak menghadkan perilaku ganas dan kekejaman mereka dalam lingkungan sempadan rasmi sesebuah negara.

"Mereka pakar menggunakan media sosial untuk merekrut pengikut di negara-negara yang jauh, mereka menggoda dengan janji-janji palsu, memujuk ramai anak muda bahawa tindakan ganas akan lebih mendekatkan mereka dengan Tuhan.

"Ia amat menjelekkan, dan ia tidak lebih daripada satu penghinaan terhadap Islam - agama yang mementingkan keamanan, kesederhanaan dan keadilan. Tetapi kumpulan ekstremis ini tidak dapat dikalahkan semata-mata menerusi kaedah ketenteraan tradisional," ujar Najib.

Krisis di Syria dan ancaman Islamic State adalah antara isu utama perbincangan Perhimpunan Agung PBB pada tahun ini.

Perang sejak empat tahun lalu itu adalah pertembungan bersempit kuasa antara tentera yang setia kepada Presiden Bashar al-Assad dengan puak yang menentanginya, termasuk kumpulan penganasan Islamic State.

Media antarabangsa menganggarkan kira-kira 200,000 telah terbunuh dalam konflik berdarah tersebut manakala 11 juta rakyat negara itu terusir dari rumah dan tanah masing-masing dan kini menjadi orang pelarian.

Menurut Najib, sejak lima tahun lalu, beliau berucap dalam perhimpunan PBB mengenai mustahaknya usaha mengembangkan Gerakan Global Kesederhanaan dalam semua agama dan negara bagi mengurangkan golongan pelampau, kemuliaan kepada asas, dan membentuk agenda ke arah keamanan dan suasana pragmatik.

Memilih jalan kesederhanaan bukan bermakna lemah, kata Najib dan di Malaysia, langkah memerangi ekstremisme dilaksanakan menerusi tindakan praktikal dan pembentukan keupayaan intelektual.

"Kita mesu memerangi ideologi songsang Islamic State dengan cara ini: menjelaskan mengapa cara mereka adalah tidak Islamik, mengapa tindakan mereka kejam, tidak boleh diterima teologi agama dan mempersendakan Islam - yang menuntut kita supaya berilmu, memiliki belas kasihan dan merendahkan diri," katanya.

Kerajaan Malaysia juga, kata Najib, telah bertindak membentuk badan kesarjanaan bagi menentang ancaman Islamic State melalui peperangan minda.

"Sekumpulan sarjana Sunni dan Syiah yang mewakili pelbagai komuniti Islam global dihidupkan di Kuala Lumpur. Misi mereka adalah untuk mentakrifkan seluas negara Islam berdasarkan pemikiran Islam sepanjang 14 abad yang lalu.

•Kalangan sarjana ini sepakat menekankan bahawa negara Islam mesti membawa keadilan dalam setiap bentuk - politik, ekonomi dan undang-undang - kepada rakyatnya. Ia mesti dibuat berdasarkan matlamat Syariah atau Maqasid Syariah, iaitu untuk melindungi dan meningkatkan kehidupan, agama, kebijaksanaan, harta benda, keluarga dan maruah," kata Perdana Menteri yang percaya umat Islam tidak sepatutnya bermusuhan, misalnya antara pengikut Sunni dan Syiah.

Menurut Perdana Menteri, entiti yang cuba diwujudkan oleh kumpulan ekstrem di Syria dan Iraq bukan satu sistem yang dituntut dalam Islam.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh beberapa isu lain, antaranya turut mengulangi kekecewaan Malaysia terhadap kegagalan PBB menerima pakai resolusi menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa untuk menyiasat insiden menembak jatuh pesawat Malaysia Airlines MH17 kerana kuasa veto digunakan oleh Rusia pada 29 Julai lalu bagi menghalang pelaksanaan cadangan tersebut.

"Kami akan terus menuntut keadilan menerusi opsi undang-undang lain kerana kami bertanggungjawab terhadap keluarga mangsa yang terkorban dalam kejadian jenayah yang kejam ini," katanya.

Pada 29 Julai lepas, Rusia menggunakan kuasa veto untuk menghalang cadangan lima negara yang dirintis Malaysia untuk menubuhkan tribunal jenayah antarabangsa bagi membicarakan mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh penerbangan MH17 pada Julai 2014.

Resolusi tersebut mendapat 11 undi menyokong daripada Chad, Chile, Perancis, Jordan, Lithuania, Nigeria, Sepanyol, United Kingdom dan Amerika Syarikat,

Tiga negara lain iaitu China, Venezuela dan Angola, bagaimanapun, berkecua daripada mengundi.

Kesemua 283 penumpang dan 15 anak kapal penerbangan MH17 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur terkorban apabila pesawat itu ditembak jatuh di Donetsk di timur Ukraine oleh kumpulan pemisah Ukraine yang pro-Rusia.

"Malaysia akan membangkitkan isu-isu ini sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB dan membuat pembaharuan terhadap Majlis Keselamatan bagi mencerminkan realiti 2015 dengan lebih baik, bukan seperti 1945, mewakili permulaan baik ke arah membina seni bina global yang baharu dan responsif.

"Kami di Malaysia tahu berapa banyak yang diperlukan. Kami benar-benar kecewa apabila cadangan untuk penubuhan tribunal antarabangsa berhubung insiden pesawat penerbangan MH17 ditembak jatuh tidak dapat dilaksanakan susulan kuasa veto digunakan.

"Tetapi sama ada ia pembaharuan terhadap PBB, menangani ekstremisme atau berdepan dengan migrasi, usaha bersama lebih padu adalah perlu. Kita perlu melihat ke dalam diri sendiri dan tradisi kita untuk mewujudkan mekanisme-mekanisme baharu. Kami percaya kesederhanaan adalah kuncinya," tegas Najib.

Najib juga membangkitkan isupergolakan di Baitulmaqdis, Palestin yang merupakan salah satu daripada tiga kota suci Islam selepas Mekah dan Madinah.

Beliau mengutuk kezaliman rejim Israel di wilayah Palestin yang mereka duduki dan menggesa supaya penyelesaian muktamad dicapai bagi mengakhiri ketidakadilan terhadap rakyat Palestin yang menderita sejak 1948.

"Berdekad-dekad terlepas tanpa hukuman dan penyahmanusiaan secara sistematik terhadap penduduk Palestin telah mendorong kepada peningkatan keganasan, memperluas penempatan haram dan peningkatan pencabulan hak asasi,

"Kekecewaan dan kemarahan yang dirasai rakyat Palestin turut dirasai umat Islam di seluruh dunia. Jika dunia terus tidak ambil peduli terhadap penderitaan rakyat Palestin, kita berisiko berdepan dengan satu lagi malapetaka di wilayah diduduki rakyat Palestin.

"Kita gagal mendukung hak untuk menentukan nasib sendiri, yang menjadi asas PBB semasa diwujudkan 70 tahun lepas," kata Najib]. - UTUSAN